

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH
[LENGGONG]**

TARIKH : 13 MAC 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan pencapaian Kementerian sehingga sekarang dalam usaha membantu golongan kurang berkemampuan:

- (a) Apakah program-program baru Kementerian dalam usaha membantu golongan miskin; dan
- (b) usaha Kementerian mengatasi masalah kemiskinan bandar.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

- a) Pihak Kerajaan amat prihatin terhadap cabaran yang dihadapi oleh rakyat khususnya golongan miskin dan mereka yang kurang berkemampuan. Sehubungan itu, program baru yang akan dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat adalah seperti berikut:

(i) Program *Beyond* 1AZAM

Kementerian ini mempunyai perancangan untuk melaksanakan program *Beyond* 1AZAM yang merupakan program lanjutan kepada Program 1AZAM. Dalam hal ini, Kementerian sedang meneliti kemungkinan untuk membantu peserta Program 1AZAM yang mempunyai potensi untuk mengembangkan perniagaan mereka menerusi pembiayaan pinjaman *micro credit* melalui Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Agro Bank.

(ii) Program Mamacare

Di samping itu, Kementerian akan melaksanakan Program Mamacare untuk penjagaan selepas bersalin secara tradisional dan moden kepada kaum ibu. Berdasarkan program rintis pada tahun 2013, seramai 89 orang wanita terdiri daripada ibu tunggal dan warga emas telah dilatih bagi mengikuti program ini. Bagi kumpulan pertama, seramai 31 orang telah dipantau bermula Januari 2013 hingga Disember 2013 dengan pendapatan tertinggi mencapai RM6,800 sebulan. Bagi tahun 2014, kementerian akan melatih seramai 300 orang wanita bagi mengikuti program ini.

(iii) Program Micro Franchise

Selain itu, KPWKM akan bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) melalui Program Micro Franchise untuk melahirkan usahawan wanita bagi menjalankan perniagaan francais. Kebiasaannya, orang ramai sering mengaitkan francais dengan modal yang besar seperti francais McDonalds, Kentucky Fried Chicken dan sebagainya. Walau bagaimanapun, terdapat juga francais kecil di bawah RM50,000. Dalam hal ini, Kementerian mengambil inisiatif

untuk melahirkan lebih ramai wanita dalam bidang mikro francais. Bagi tahun 2014, Kementerian mensasarkan seramai 100 orang wanita yang akan dilatih melalui program ini.

(iv) Kerjaya sebagai Pemandu Wanita Bas RapidKL

KPWKM dengan kerjasama Syarikat Pengurusan RapidKL telah menganjurkan Seminar Kerjaya Pemandu Wanita Bersama RapidKL pada 5 Februari 2014 melalui pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) sebagai satu landasan untuk menyemarakkan penglibatan wanita dalam bidang pemanduan bas. Program ini merupakan satu lambang usaha Kementerian yang komited dan berterusan dalam memberi peluang pembangunan diri kepada wanita di samping menjana pendapatan dengan kerjaya yang bersesuaian dan terjamin.

Tuan Yang Dipertua,

- b) Pihak kerajaan turut prihatin tentang isu kemiskinan bandar. Di bawah Program 1AZAM, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah dilantik untuk

menjalankan inisiatif AZAM Bandar bermula pada tahun 2013 dengan menyediakan bantuan perniagaan melalui Program AZAM Niaga khusus kepada masyarakat miskin di kawasan bandar. Bagi tahun 2013, hingga 31 Disember 2013 terdapat seramai 1,760 orang peserta telah mendapat faedah daripada program tersebut.